

JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM,
MALAYSIA.
KUALA LUMPUR.

5hb. Jun, 1971.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1971

Tuan,

**Menyampaikan isi kandongan Laporan Sulit Tahunan
yang tidak memuaskan kapada Pegawai yang di-lapor.**

Ada-lah saya di-arah menarek perhatian tuan kapada perentah II, Perentah2 Am Bab M mengenai penyampaian isi kandongan laporan sulit yang tidak memuaskan kapada pegawai yang di-lapor. Mengikut perbekalan tersebut, pegawai pelapor hendak-lah membawa ka-pengetahuan pegawai yang berkenaan jika sekira-nya laporan yang di-sediakan ka-atas-nya itu mengandungi unsor2 kelemahan atau kekurangan pada diri pegawai tersebut. Tetapi sekira-nya pegawai pelapor berpendapat bahawa ada-lah tidak bijak dari segi kepentingan perkhidmatan atau kepentingan pegawai itu sendiri untuk menyampaikan maalomat sa-demikian, maka sebab2 yang menyokong pendapat itu hendak-lah di-chatitkan dalam laporan itu.

2. Di-masa yang lepas2 perbekalan ini seringkali di-lupai oleh pegawai pelapor, menyebabkan sa-saorang pegawai yang di-lapor itu selalu-nya di-bawah perasaan yang tindakan yang telah di-jalankan atau sikap yang di-tunjukkan oleh-nya sa-panjang tahun yang lepas ada-lah terator dan memuaskan, sedangkan pada hakikat yang sa-benarnya ini ada-lah sa-balek-nya. Ada-lah paling tidak adil kapada pegawai itu jika keadaan saperti ini di-biarkan berlanjutan, oleh kerana ia boleh merosakkan peluang bagi pegawai itu melangkah maju dalam perkhidmatan-nya. Sa-saorang

pegaawai itu tidak dapat di-jangka menyedari dengan sendiri-nya akan semua kelemahan atau kekurangan-nya tanpa di-beritahu oleh sa-orang yang bertanggongjawab ka-atas-nya. Dan di-sini-lah akan berguna-nya satu2 laporan sulit itu, ia-itu di-samping menilek kebolehan dan kechenderongan sa-saorang itu ada-lah untok mengenali akan sifat kelemahan-nya untuk di-sampaikan kepada-nya dengan maksud dapat di-perbaiki atau di-atasi buat selama2-nya.

3. Dengan ini Ketua2 Jabatan dan khusus-nya pegawai2 pelapor ada-lah di-peringatkan supaya memberi perhatian yang teliti kapada perkara ini di-masa2 hadapan. Untuk menentukan yang perbekalan ini tidak di-lupakan, pegawai pelapor yang menggunakan Borang F.E.O. 17 dan J.P.A 1/70 untok menyediakan laporan sulit ka-atas pegawai2 bawahan mereka hendak-lah menurunkan satu chatitan rengkas di-hujong tiap-tiap laporan itu menyatakan samaada isi kandongan laporan itu belum atau telah diberitahu kapada pegawai yang di-lapor.

4. Ketua2 Jabatan dan pegawai2 pelapor ada-lah juga di-peringatkan bahawa dalam menyediakan laporan sulit tahunan, mereka hendak-lah mematohi sa-penoh-nya perentah2 7 dan 8 dalam Perentah2 Am Bab M. Mereka khusus-nya hendak-lah menentukan yang laporan sulit itu di-sediakan tiap2 tahun dan tiap2 pelapor hendak-lah menurunkan nama dan jawatan-nya di-bawah tandatangan-nya. Ada-lah paling mustahak yang laporan sulit itu di-sediakan dengan seberapa awal yang boleh tiap2 tahun, sa-waktu pendapat dan penilaian terhadap pegawai itu maseh lagi terjelas dalam fikiran pegawai pelapor, dan walau bagaimana pun tidak lewat daripada 15hb. Mac. Di-harap mendapat kerjasama yang sa-wajar-nya mengenai perkara2 yang tersebut di-atas.

Saya yang menurut perentah,

(WAN AWANG BIN WAN YAACOB)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Kapada:

Ketua2 Setia Usaha Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

Salinan: Y.B. Setiausaha Kerajaan.